

Headline	Program Mantai Perdana bakal dianjurkan setiap bulan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Feb 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	31	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	287 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,672
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,017



Program Mantai Perdana bakal dianjurkan setiap bulan

SEREMBAN 4 Feb. - Kerajaan Negeri Sembilan bercadang menjadikan Program Mantai Perdana sebagai acara bulanan bagi membantu mengurangkan kos perbelanjaan orang ramai dalam membeli barang keperluan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, cadangan tersebut dibuat selepas mengambil kira kejayaan program yang diadakan sekali setahun itu dengan menawarkan barangan mentah murah seperti daging lembu.

Katanya, semua pegawai daerah telah diminta supaya mencari lokasi yang sesuai bagi penganjuran program itu dan kerjasama akan dijalankan de-

ngan pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

“Kita juga akan beri peluang kepada orang kampung untuk datang menjual hasil tanaman mereka seperti cili dan serai semasa program mantai itu.

“Mereka tidak perlu lagi menggunakan orang tengah dan ini membolehkan harga yang dijual lebih murah berbanding pasaran, selain menjadi sumber pendapatan kepada orang kampung,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis Penyerahan Bantuan Khas Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Lafaz Ikrar Bebas Rasuah

(IBR) di sini.

Yang turut hadir Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Seri Dr. Awaludin Said; barisan Exco kerajaan negeri dan Pengerah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri, Ramli Ismail.

Dalam majlis itu, seramai 392 pengerusi JKKK melafazkan IBR dengan diketuai Pengerusi JKKK negeri, Zubir Jamal sebagai tekad menjauhi dan membendung amalan rasuah dalam masyarakat.

Dalam pada itu, Mohamad mengingatkan semua pengerusi JKKK supaya berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan antara kerajaan dan masyarakat dan sebaliknya.



SEBAHAGIAN Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung melafaz Ikrar semasa majlis Penyerahan Bantuan Khas dan Lafaz Ikrar Bebas Rasuah di Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini. - UTUSAN/ASWAD YAHYA